

PAC hanya sentuh isu pinjaman NFCorp

KUALA LUMPUR: Jawa-tankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan meneruskan siasatan berhubung National Feedlot Corporation (NFCorp) dengan hanya menyentuh perkara berkaitan pinjaman kepada syarikat itu.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, perkara berkaitan dengan pendakwaan di mahkamah tidak akan disentuh.

"Kami siasat mengenai pinjaman saja...sebab kami bercakap pasal dana kerajaan (umpamanya), bagaimana ia diberi dan kerana wang itu diluluskan Parliment.

"Maka PAC bertanggungjawab melihat di mana berlakunya kesilapan," katanya kepada pemberita di Parlimen bagi menjelaskan status siasatan jawatankuasa itu terhadap NFCorp apabila pihak pengurusan syarikat itu mengambil pendirian untuk tidak memberi keterangan dengan alasan kes itu sudah di-

"Kami siasat mengenai pinjaman saja...sebab kami bercakap pasal dana kerajaan"

>Datuk Seri Azmi Khalid



bawa ke mahkamah.

Azmi berkata bahawa dalam menjalankan siasatannya, PAC mengambil kira pandangan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia agar isu berkaitan kes mahkamah tidak disentuh.

Pada 12 Mac lepas, Pengerusi Eksekutif NFCorp Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur terhadap dua pertuduhan pecah amanah membabitkan RM49.7 juta serta dua lagi pertu-

duhan menyalahi Akta Syarikat.

Azmi berkata, PAC akan meneliti dokumen diterima daripada Kementerian Kewangan serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum memanggil pihak terbabit untuk sesi pendengaran seterusnya.

Isu NFC mendapat perhatian selepas Laporan Ketua Audit Negara pada Oktober lalu menyatakan projek berkenaan gagal memenuhi matlamat penubuhannya. - Bernama